

Kerajaan bertekad henti budaya kleptokrat bersihkan imej Malaysia

Amalan curi harta rakyat, rasuah cemar nama baik negara di mata dunia

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Penjawat awam sukar untuk mempertahankan negara kerana satu dunia sudah mengetahui Malaysia tercemar dengan masalah kleptokrat sistemik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata masalah kleptokrat sistemik atau berleluasa bukan hanya membabitkan seorang individu lagi, sebaliknya ramai pihak.

"Satu dunia tahu Malaysia tercemar...(kleptokrat) bukan satu orang. Dalam kempen politik suka sebut satu kleptokrat. Tak betul. Kleptokrat itu lebih kepada sistem.

"Ramai terlibat. Ada disiasat dan belum. Ada didakwa dan belum. Didakwa, tapi tak perlulah pimpinan politik uar-uaran soal kebersihan, melainkan mereka dapat catat rekod atau prestasi baik," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan, di sini, semalam.

Menyatakan rasa bersyukur dengan kepemimpinan di Kementerian Kewangan yang lebih tegas mematuhi peraturan sedia ada, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, masalah kleptokrat sudah menjadi budaya dan tradisi.

Justeru, beliau bertekad tidak mahu tolak ansur lagi dengan soal memerangi rasuah wa-

laupun berdepan dengan kesukaran.

"Saya tahu ini susah. Saya belajar umpamanya berdasarkan pengalaman lebih sukar untuk membetul dan memperbaiki.

"Perubahan itu lebih sukar daripada hanya mematuhi. Kalau kita hanya ikut sistem lama, kita pun kaya, keluarga pun kaya dan bantahan itu tidak kuat, kalau sistem itu semuanya sistemik.

"Masalah rasuah itu dianggap sistem yang diterima pakai. Kalau kita menolak, risiko besar kerana kita berdepan maha kaya dan maha kuasa dengan gelaran tinggi (seperti) Datuk Seri, Tan Sri, Tun," katanya.

Ambil tindakan segera

Sehubungan itu, beliau menegaskan, semua badan penguatkuasaan perlu mengambil tindakan segera sekiranya mendapati wujud pelanggaran pada pelbagai peringkat tanpa mengira kedudukan.

"Kita ambil tindakan terutama dari segi hukum berdasarkan fakta dan hukum, bukan untuk merekayasa," katanya.

Anwar berkata, amalan dan budaya lampau meluluskan projek tanpa menepati peraturan tidak boleh lagi diteruskan.

Beliau berkata, kini terserah kepada ketua pengarah, ketua bahagian, pimpinan kementerian untuk memastikan perkara itu tidak berlaku pada semua peringkat.

Anwar berkata, beliau tidak mahu negara sekali lagi terpalit dengan isu rasuah atau salah guna kuasa sebaliknya memfokus untuk mengamalkan tata kelola yang baik.

Beliau berkata, barisan Jemaah Menteri dalam Kerajaan Perpaduan turut membuat ketetapan untuk tidak mengizinkan amalan dan budaya lampau diteruskan.



Anwar bersama warga Kementerian Kewangan pada majlis perhimpunan bulanan di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Calon Peguam Negara belum diputuskan

Putrajaya: Kerajaan masih belum memutuskan calon pengganti Tan Sri Idrus Harun sebagai Peguam Negara, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membincangkan perkara itu kelak.

"Kita akan bincang," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra, semalam.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan sudah mempunyai calon menggantikan Idrus selepas kontraknya berakhir, bulan depan.

Idrus dilantik sebagai Peguam Negara secara kontrak selama dua tahun bagi menggantikan Tan Sri Tommy Thomas bermula 6 Mac 2020 sebelum disambung setahun lagi bermula 6 Mac tahun lalu.

Tiga nama disebut-sebut sebelum ini untuk menggantikan Idrus dan dikatakan sudah dikemukakan ke pejabat Perdana Menteri.

Mereka adalah Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Seri Kamaludin Md Said dan Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin serta Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh.